


Murah hati dengan tukang kebun

Sabbaruddin pernah dahulukan gaji dua tahun untuk bantu beli rumah

PROFIL

Tan Sri Sabbaruddin Chik



Umur: 66 tahun

Tarikh lahir: 11 Disember 1941

Isteri: Puan Sri Faridah Mohammed, 64

Keluarga: Empat anak, dua cucu
Asal: Kampung Paya Banir, Temerloh, Pahang

Pendidikan

Sekolah Melayu Bintang, Banir - 1952

Sekolah Abu Bakar, Temerloh - 1960

Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak - 1962

Ijazah Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya - 1963/65

Sarjana Pentadbiran Awam, Institute of Social Studies, The Hague, Belanda - 1972/74

SEMBANG SABTU

Oleh Jalal Ali Abdul Rahman

TAN Sri Sabbaruddin Chik melakukan sesuatu yang mungkin tidak dibuat mana-mana majikan, iaitu mendahulukan pembayaran gaji kepada tukang kebunnya selama dua tahun bagi membantunya membeli dan mengubah suai rumah.

"Saya lakukan perkara sama dua kali selepas itu, jadi saya pernah mendahulukan enam tahun gajinya," kata bekas Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan itu.

Tidak cukup dengan sikap bermurah hati, Sabbaruddin juga ringan tulang membantu tukang kebun yang bertugas dengannya sejak 1980-an, iaitu sebelum beliau menjadi Timbalan Menteri Kewangan.

"Walaupun dia sudah lama bertugas, anggapan saya terhadapnya tetap sama, iaitu sebagai tukang kebun, tetapi saya hormat kepadanya dan tidak salah juga saya membantu melakukan kerja yang sepatut dilakukannya kerana saya membayar gajinya.

"Saya nyatakan ini bukan kerana mahu menunjuk-nunjuk kerana berapa sangatlah gaji tukang kebun, tetapi saya kagum dengan sikapnya yang tidak 'lari' selepas menerima gaji sedangkan kerja belum dilakukan. Bagi saya dia seorang tukang kebun yang baik," katanya.

Sabbaruddin berkata, membantu tukang kebunnya membersihkan laman rumah juga kini menjadi antara aktiviti masa lapangnya selepas menamatkan kerjaya politik pada Mei 1999 berikutan masalah kesihatan.

Beliau bersyukur kerana kesihatannya kembali pulih setelah lama menderita akibat penyakit buah pinggang.

"Saya terlalu sakit pada ketika itu. Bayangkan saya terpaksa menjalani rawatan dialisis selama tiga kali seminggu dengan setiap rawatan mengambil masa hingga empat jam antara Disember 1998 hingga Disember 1999.

Bagaimanapun keadaan kesihatan saya pulih selepas menjalani pemindahan buah pinggang di China pada Disember tahun sama. Alhamdulillah hingga kini kesihatan saya pulih, malah jauh lebih baik daripada 1999," katanya sambil menunjukkan bekas tusukan jarum rawatan dialisis di lengan kirinya.

Mungkin terba-bawa dengan tugasnya yang sibuk sebelum itu, termasuk ke serata dunia 'menjual' nama Malaysia dalam sektor pelancongan, Sabbaruddin mengakui tidak boleh duduk di rumah tanpa berbuat apa-apa.

"Walaupun masih menjalani rawatan dialisis ketika itu, selagi hidup dan dapat bergerak, saya tidak tahan untuk duduk di rumah saja.

Jadi selepas sebulan saya letak jawatan, saya terus buka pejabat di Kuala Lumpur.

"Bagaimanapun, saya buka pejabat ini bukan untuk berniaga sangat tetapi lebih menjadikan tempat pertemuan dengan rakan atau kenalan.

"Kalau nak bertemu di rumah, mungkin orang tak selesa, kena buka kasutlah dan sebagainya... mungkin juga tetamu tidak selesa kerana keluarga saya ada di rumah.



ZOI BERTAHARIAN

"Isteri dan keluarga saya juga mungkin rasa tidak selesa. Jadi saya fikir lebih baik bertemu rakan di pejabat atau di tempat lain termasuk restoran atau kelab golf.

"Hampir setiap hari saya datang ke sini sekitar jam 9 pagi dan rehat, baca akhbar dan jika ada urusan perniagaan saya lakukan sedikit-sedikit tetapi bagi saya ia bukan aktiviti utama," katanya.

Bekas Ahli Parlimen Temerloh itu yang kini turut menjadi pengarah serta pengerusi beberapa syarikat, amat mementingkan soal kesihatan.

"Bagaimanapun, bagi orang yang sakit dan banyak hutang, nak menunggu menjelang hari baru pun berat," katanya.

Sabbaruddin berkata, beliau sering melakukan senaman ringan termasuk berjalan kaki dari rumahnya di Bukit Damansara ke pejabat sejauh kira-kira 300 meter, selain membuat pemeriksaan kesihatan secara rutin serta menerima rawatan refleksiologi setiap hujung minggu.

"Sebelum ini saya main golf dua kali seminggu tetapi sejak dua atau tiga bulan lalu saya hanya main sekali seminggu. Kadangkala saya hanya pergi ke lapang sasaran golf.

"Golf memang hobi saya sejak

“Ada yang pernah tanya, Tan Sri masih sihat lagi? Soalan itu bagi saya membawa dua makna, iaitu sama, ada saya memang tidak boleh sihat atau saya sepatutnya sudah lama meninggal dunia”

Sabbaruddin Chik
bekas Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

dulu. Setiap hujung minggu juga saya sering ke Kelab Golf Negara Subang bertemu rakan. Saya juga gemar mandi sauna kerana ia baik untuk kesihatan," katanya.

Walaupun memahami ramai yang mungkin tidak mengetahui keadaan

kesihatannya sekarang, beliau mengakui berasa kurang senang dengan cara sesetengah orang menyapanya jika terserempak dengannya.

Ditanya hajat terpendam yang mungkin beliau mahu tunaikan, Sabbaruddin berkata, beliau tidak lagi memikirkan soal itu.

"Pertamanya kerana usia saya pun dah nak masuk 66 tahun, kalau ada hajat, saya ingat lebih baik saya lupakan saja.

"Pelbagai perkara saya sudah lalui dan banyak pengalaman sepanjang hidup saya termasuk pernah menjadi pegawai kerajaan hinggalah kepada menteri, sedangkan saya datang dari keluarga miskin yang berasal dari Kampung Paya Banir, Temerloh, Pahang.

"Allahyarham bapa saya, Chik Mohamad Nor meninggal pada usia 20-an ketika saya masih kecil dan saya yang juga anak tunggal dibesarkan ibu, Umi Daud (meninggal dunia pada 1998).

"Saya bersyukur kerana ibu yang hanya bekerja kampung mampu menyekolahkan saya termasuk di sekolah aliran Inggeris.

"Ketika kecil juga saya pernah terpaksa menaiki bot ke sekolah," katanya sambil tersenyum mengimbau kisah lampaunya.

Angka enam bermula secara kebetulan

ANGKA enam sudah sebatu dengan hidup Tan Sri Sabbaruddin Chik hinggalah waktu bangkit tidur ditetapkan pada jam 6.46 pagi.

Bekas Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan itu berkata, minatnya kepada angka enam bermula secara kebetulan ketika menjadi Timbalan Menteri Kewangan pada 1982.

"Ketika itu seorang rakan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) memberitahu saya ada nombor pendaftaran kenderaan WT6 yang ditender, tetapi tidak diambil.

"Dia beritahu saya nombor itu sesuai untuk saya kerana 'W' membawa maksud wakil, 'T' Temerloh dan angka 6 pula merujuk saya sebagai Ahli Parlimen Temerloh yang keenam. Jadi saya terus bersetuju menggunakan angka itu pada kenderaan saya.

"Angka enam itu sebatu dengan diri saya hinggalah waktu bangun pagi saya tetapkan pada jam 6.46 pagi dan bukan 6.45 pagi," katanya yang juga akan genap usianya 66 tahun pada 11 Disember ini.

Sabbaruddin berkata, nombor pendaftaran WT6 masih digunakan pada kenderaannya hingga sekarang.

Nombor itu sebenarnya sudah digunakan pada tujuh kereta termasuk kereta rasmi ketika saya menjadi Timbalan Menteri dan Menteri. Nombor kenderaan lain yang mempunyai angka enam termasuklah CAC 6," katanya.

Sabbaruddin juga meminati ikan hiasan hingga mempunyai lima akuarium termasuk ikan hiasan laut.

"Tiga akuarium saya letakkan di rumah manakala dua lagi di pejabat. Minat ini memang sudah lama, sejak saya menjadi menteri lagi," katanya.

Sementara itu, Sabbaruddin berkata, antara perkara yang tidak dapat dilupakan sama sekali adalah rasa gerun yang ada pada dirinya apabila melihat lelaki keturunan Sikh yang berjanggut panjang memasuki kampung sewaktu kecil dulu.

"Usia saya sekitar empat atau lima tahun ketika itu. Jika saya melihat lelaki Sikh memasuki kampung menjual barangan, saya terlalu takut hingga muka menjadi pucat dan pasti melarikan diri," katanya.

FAKTA NOMBOR

Sabbaruddin sinonim 6

66

Umur

6.46

Bangun pagi

6

Nombor pendaftaran kereta

6

Giliran Ahli Parlimen Temerloh



BANGGA: Sabbaruddin yakin pelancong beri impak besar ekonomi negara.

'Orang lama' syor promosi program besar, hebat

"TAHUN Melawat Malaysia (TMM) 2007 pasti memberi kesan lebih besar kepada negara jika tumpuan diberi kepada mempromosi program besar dan hebat," kata bekas Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Tan Sri Sabbaruddin Chik.

Selaku 'orang lama' dalam bidang itu, beliau percaya pendekatan mempromosi secara hebat program atau acara utama negara lebih sesuai dalam memastikan kemasukan lebih ramai pelancong.

"Tumpuan kini tidak perlu terlampau mempromosi negara kerana Malaysia sudah dikenali. Apa yang perlu dibuat adalah memperkenalkan dengan lebih hebat program, seperti Piala Monsun, Le Tour de Langkawi (LTdL) dan Formula One (F1).

"Program besar yang dapat menarik pelancong ini bukan saja mesti dikekalkan setiap tahun, malah tarikh penganjurannya juga jangan diubah supaya pelancong mudah mengingatinya.

"Dengan cara ini juga saya harap masa tiada TMM pun pelancong datang ke negara ini kerana pro-

gram yang diadakan," katanya.

Beliau mengambil contoh perarakan kenderaan Passadina Rose-bowl di Amerika Syarikat sentiasa diingati dalam industri pelancongan dunia kerana perarakan itu bukan saja menarik, malah sudah berusia lebih 100 tahun.

"Siapa dalam industri pelancongan yang tidak tahu perarakan itu? Perarakan yang diadakan setiap 1 Januari setiap tahun memang ditunggu-tunggu," katanya.

Beliau yang yakin TMM akan lebih menyerlah jika tumpuan diberi kepada memperkenalkan program besar, mengakui buaian pusing "Eye of Malaysia" memberi kesan positif kepada industri pelancongan apabila ramai berminat mencubanya.

"Berdasarkan laporan akhbar, buaian pusing itu hanya untuk setahun saja. Saya mencadangkan tempoh operasinya dipanjangkan, malah jika boleh dikekalkan lagi baik," katanya.

Baginya, program besar yang mampu menarik kunjungan rakyat asing tidak seharusnya 'diganggu' apabila menteri atau menteri besar bertukar.

"Di Malaysia ini ada masalah

sikit, apabila tukar saja menteri atau menteri besar, maka program pun ditukar. Ia tidak sepatutnya berlaku. Mudahnya beginilah, jika sudah ada roda, jika ada yang kurang pada jejaringnya, perbaiki jejarinya.

"Sama juga dengan program, perbaiki jejarinya, bukan hapus atau tukar nama atau simbol," katanya.

Sabbaruddin bagaimanapun tidak bersetuju dengan pendekatan menjadikan negara ini sebagai destinasi pelancongan murah.

"Orang jika nak pergi melancong tak semestinya tempat murah, kalau nak murah mereka pergi Kemboja dan tempat lain yang lebih murah dari negara kita.

"Lihat saja London... perbelanjaan ke sana mahal tetapi mengapa masih ramai mahu berkunjung ke kota itu.

"Apa yang penting adalah kemudahan termasuk pengangkutan dan makanan yang baik, bersih, selamat serta tiada unsur penipuan. Inilah antara yang mesti diberikan perhatian," katanya.

Malah, katanya, kerajaan perlu membenarkan kenaikan tambang teksi supaya mereka yang terabit

dapat menyediakan perkhidmatan selesa dan bersih.

"Pemandu teksi mengeluh pendapatan tidak seberapa dengan kerja yang dilakukan, inilah yang menyebabkan mereka menipu pelancong.

"Pasal teksi ini, saya pun hairan mengapa kemudahan mengisi gas asli (NGV) tidak banyak disediakan hinggalah ada pemandu terpaksa menunggu berjam-jam untuk mengisi bahan itu ke dalam tangki kenderaan mereka.

Kemudahan ini mesti diperbanyakan kerana ia meningkatkan pendapatan pengusaha teksi melalui penjimatan kos bahan api," katanya.

Sabbaruddin yang mengakui industri pelancongan memberi impak besar terhadap ekonomi negara, juga menegakkan kemasukan pelancong perlu dipermudahkan untuk keselesaan golongan itu.

Mengimbau kembali pelantikan selaku menteri pertama memegang portfolio berkenaan, bapa kepada empat anak itu berkata, ketika mula diwujudkan pada 20 Mei 1987 nama asal Kementerian diterajunya adalah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.